



SHAMSUL Azri meninjau kawasan jambatan mubibah yang menghubungkan Malaysia-Thailand ketika hadir pada majlis peluncuran program rintis AKPS di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang, semalam. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

Pasir Mas

Sebanyak 169 lintasan haram sempadan Malaysia-Thailand, yang dikenal pasti perlu diberikan perhatian, kata Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Beliau berkata, ekoran itu, kerajaan menyasarkan mengurangkan dan menutup terus lintasan atau laluan masuk tidak sah ini.

“Langkah kawalan sempadan perlu dipertingkatkan dan penting mengurangkan jenayah rentas sempadan dan aktiviti penyeludupan.”

“Saya meminta supaya pemasangan CCTV (kamera litar tertutup) di pintu masuk sempadan negara dipercepat dan menggunakan teknologi buatan kecerdasan buatan (AI) sebagaimana saranan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai pemudah cara untuk sentiasa berevolusi, selari dengan kepelbagaian bentuk ancaman kepada keselamatan negara,” kata beliau.

Shamsul Azri berkata, demikian kepada pemberita sempena peluncuran program rintis Agensi Kawalan dan Perlindungan

Penubuhan AKPS kawal jenayah seludup barangan, senjata, dadah

Pasir Mas: Penubuhan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) Malaysia mampu mengawal jenayah seperti penyeludupan barangan, pengedaran dadah dan senjata api, kata Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Beliau berkata, dengan penubuhan AKPS, agensi sempadan akan lebih bersedia dan menyatukan pelbagai fungsi penguatkuasaan sempadan di bawah satu chain of command.

“Pengurusan sempadan di Malaysia membbaitkan pelbagai agensi antaranya seperti kastam, imigresen, kuarantin dan banyak lagi dan selalunya membawa kepada ketidakcekapan, pertindihan tugas dan halangan komunikasi.”

“AKPS menyatukan pelbagai fungsi utama ini secara bersepadu di bawah tanggungjawab sebuah agensi, kita akan mewujudkan pendekatan yang terselaraskan untuk kawalan sempadan yang lebih baik,” kata beliau berkata sempena peluncuran program rintis

AKPS di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang di sini, semalam.

“Sebagai contoh, pengembara yang tiba di sempadan kita perlu melalui lapisan pemeriksaan layer of inspection berbeza yang diuruskan oleh pelbagai agensi, yang boleh menyebabkan kekeliruan dan kelewatan.

“Melalui penubuhan AKPS, kita mahu menyediakan pengalaman yang lebih lancar dengan pengembara boleh menjalani semua pemeriksaan yang diperlukan di lapisan pemeriksaan setempat dan tidak terlalu kompleks,” katanya.

Beliau berkata melalui cara ini, masa menunggu akan dapat dikurangkan dan seterusnya meningkatkan kepuasan orang awam melalui perkhidmatan kerajaan yang lebih baik.

Sementara itu, Ketua Pengarah AKPS Datuk Seri Hazani Ghazali berkata berdasarkan Akta 860, AKPS

2024 yang telah diwartakan pada 17 Oktober tahun lepas, agensi ini akan bertindak sebagai agensi kerajaan barisan hadapan di pintu-pintu masuk negara termasuk pelabuhan.

Beliau berkata AKPS bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan kawalan dan pemeriksaan secara bersepadu dan komprehensif di pintu masuk darat, laut dan udara termasuk pelabuhan.

“Sebagai sebuah agensi tunggal yang diwujudkan untuk menyelaraskan semua urusan pintu masuk sempadan negara, AKPS adalah cerminan komitmen Kerajaan Madani untuk memastikan integriti dan keberkesanan kawalan pintu masuk sempadan berada pada tahap tertinggi.

“Program operasi rintis ini juga merupakan langkah strategik kepada sebahagian daripada usaha kita bersama-sama untuk merealisasikan amanat Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim),” katanya.

Beliau berkata, data yang dipacu dengan algoritma lanjutan AI, seperti facial recognition dan *intelligent document processing* akan membantu memperkemas proses pemeriksaan orang dan barangan oleh pegawai.

“Senario ini, secara tidak langsung akan memastikan proses pelepasan barangan berisiko rendah dapat dipercepatkan.

“Perkara ini penting bagi meningkatkan daya saing pelabuhan dan terminal kargo negara,” kata beliau.

Shamsul Azri berkata, di sebalik cabaran dihadapi, adalah penting menekankan pelbagai manfaat yang akan dibawa agensi sempadan, terutamanya kepada penduduk yang tinggal di kawasan sempadan khususnya di Rantau Panjang.

Terdahulu, beliau meninjau gerak kerja dan pengoperasian Kompleks ICQS Rantau Panjang oleh agensi-agensi sempadan.

Selain itu, Shamsul Azri turut meninjau paras air Sungai Golok di sempadan Malaysia-Thailand.

Turut hadir Ketua Polis Kelantan Datuk Mohd Yusoff Mamat dan Ketua Pen-

Rantau Panjang di sini, semalam. Beliau berkata, penggunaan teknologi AI dalam strategi kawalan sempadan negara sangat kritikal dan di-

lalui mekanisme tepat cara optimum akan membantu pegawai kita memantau, menilai, merancang dan menguatkuasakan tindak balas terhadap

“Sebagai contoh, penyelarasan dan analisis data daripada CCTV dan mesin pengimbas barangan di pintu masuk dilengkapi teknologi AI, akan mem-

Shamsul Azri berkata, pendekatan proaktif ini boleh membantu agensi sempadan dalam memintas potensi ancaman sebelum ia berlaku, sekali gus mening-